

Mangsa  
17 AUG 1985  
racun sihat

JOHOR BAHRU, Jumaat  
— Dua pemuda yang di-  
masukkan ke Hospital  
Daerah Kota Tinggi sete-  
lah meminum racun  
rumpun rampai untuk  
menguji ilmu kebal yang  
dituntut, dibenarkan pu-  
lang semalam.

B. Harian (M)

## Sejarah hitam dalam Pesta Silat

20 AUG 1985

Oleh M SANI ALI

PESTA Silat anjuran Persekutuan Silat Singa-  
pura (Persisi) mencatat 'sejarah' Ahad kelma-  
rin apabila kumpulan Gayong Pasak memulau-  
kan upacara penyampaian hadiah.

Kumpulan itu meninggalkan Dewan Bad-  
minton Singapura, di Guillemard Road, sejurus  
sebelum upacara tersebut dijalankan.

Pesta itu dianjurkan sempena sambutan  
Pesta Sukan.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Persisi,  
Encik Johari Uriff, berkata badan induk persat-  
uan sukan itu akan mengambil tindakan disip-  
lin ke atas pasukan tersebut.

"Kami akan mengajukan laporan mengenai  
kejadian itu kepada Jawatankuasa Disiplin dan  
terpulanglah kepada pihak jawatankuasa terse-  
but untuk memutuskannya," kata Encik Johari.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat meny-  
takan lebih awal apakah bentuk tindakan disip-  
lin yang akan dikenakan ke atas kumpulan  
Gayong Pasak.

Pemuluan itu berpunca dari satu pertan-  
dingan antara anggota Gayong Pasak, Encik  
Mohamed Sohaili Sapuan, 19 tahun, dengan  
seorang peserta dari kumpulan Alhak, Encik  
Azrin Abdul Rahim.

Dalam pusingan pertama Encik Azrin telah  
diberi amaran kerana melepaskan pukulan di  
bahagian muka. Beliau juga didapati menen-  
dang muka Encik Mohamad Sohaili dalam  
pusingan tersebut. Kemudian, dalam pusingan  
kedua, Encik Azrin sekali lagi didapati menen-  
dang Encik Mohamed Sohaili yang terjatuh di  
pelantar gelanggang.

Akibatnya, Encik Mohamed Sohaili, terced-  
era di muka (lihat gambar).

Di akhir pertandingan itu Encik Azrin dil-  
sytharkan sebagai pemenang. Keputusan itu  
menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan  
anggota Gayong Pasak yang menganggap kepu-  
tusan tersebut harus dibatalkan kerana "puku-  
lan dan sepakan yang di luar batasaan".

Ketua kumpulan itu, Encik Hussein Kaslan  
pula melahirkan rasa kecewa dengan mutu pen-  
gadilan dalam kejohanan tersebut.

